

25/10/2000

Prinsip keadilan Islam tetap diterima

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tidak menolak prinsip perundangan dan keadilan Islam tetapi keadaan di negara ini sekarang tidak memungkinkannya melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, hakikat bahawa sebahagian besar undang-undang Islam tidak dikanunkan, mendedahkannya kepada pelbagai tafsiran sehingga ada antaranya yang bercanggah dengan prinsip rukun Islam.

Walaupun cubaan sudah dibuat di Malaysia untuk mengkanunkan undang-undang Islam berkaitan tingkah laku dan aktiviti sosial, disebabkan rakyat negara ini berbilang bangsa dan agama, ia tidak dapat dilakukan sepenuhnya.

"Bagaimanapun, undang-undang negara bukan sesuatu yang memansuhkan prinsip undang-undang Islam dan keadilan Islam. Hukuman mungkin berbeza, tetapi prinsipnya sama," katanya.

Beliau menjelaskan demikian ketika menyampaikan ucapan dan merasmikan seminar antarabangsa 'Undang-undang Islam Dalam Dunia Masa Kini' di Institut Kefahaman Islam (Ikim), di sini hari ini.

Seminar dua hari anjuran bersama Ikim dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia itu bertujuan mengkaji usaha melaksanakan undang-undang Islam dalam dunia Islam masa kini.

Ia disertai hakim, peguam, cendekiawan dan pengamal undang-undang Islam dari sembilan negara - Mesir, Nigeria, Yaman, Iraq, Turki, Indonesia, Russia, Brunei dan Malaysia.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan buku terbaru terbitan Ikim bertajuk *The Economic and Financial Imperatives of Globalisation: An Islamic Response*.

Dr Mahathir menegaskan, walau apa cara pun undang-undang Islam dilaksanakan, pelaksanaannya mestilah adil. Walaupun undang-undang Islam tidak mungkin sama sepenuhnya dengan pemikiran liberal moden, ia boleh sepadan dengan konsep keadilan sejagat.

"Tetapi keadilan Islam tidak akan banyak berbeza daripada keadilan Barat berhubung menghukum penjenayah dan memberikan keadilan kepada mangsa. Tidak mungkin Islam akan menghukum mangsa dan membiarkan penjenayah bebas," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, umat Islam sekarang termasuk orang Melayu semakin kurang toleran dan tidak begitu mengambil berat terhadap pendapat pihak lain apabila mengamalkan ajaran Islam, termasuk dalam aspek interpretasi terhadap undang-undang Islam dan pelaksanaannya.

"Nampaknya seseorang Islam hanya boleh dianggap Islam jika dia bersikap keras dalam melaksanakan undang-undang Islam. Malah dalam keadaan apabila Islam membolehkan kelonggaran pun, ia ditolak kerana mereka lebih suka kepada kekerasan.

"Kononnya lebih keras interpretasinya, lebih berimanlah seseorang Islam itu. Islam hari ini kelihatan berbeza coraknya daripada agama keamanan dan toleransi yang dibawa Nabi Muhammad.

"Islam sudah menjadi agama yang begitu kaku, tidak toleran dan kelihatan tidak adil kepada penganutnya dan kepada orang lain akibat sikap fanatik dan ortodoks sesetengah golongan yang mempunyai kepentingan tersendiri," katanya.

Beliau berkata, memang tidak syak lagi Islam mempertahankan keadilan tetapi jika ini tidak kelihatan, ia bukanlah kerana Islam itu salah tetapi

penganutnya yang mengamalkan dengan cara salah.

Katanya, persaingan antara kumpulan Islam dalam politik turut mendorong setiap kumpulan cuba mengatasi yang satu lagi, dari segi ketegasan interpretasi.

"Dan dalam keghairahan menunjukkan mereka lebih alim, mereka telah melakukan kesilapan rujukan dan interpretasi mereka. Justeru, agama sempurna yang menegakkan keadilan sudah dijadikan agama yang tidak penyayang dan zalim," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata, hakim-hakim yang berlainan mungkin membuat keputusan dan hukuman dalam sesuatu kes menurut penilaian masing-masing, menyebabkan kes serupa diberi penilaian dan hukuman berbeza.

Katanya, perbezaan seumpama itu adalah tidak wajar atau tidak adil dan ia memberi kesan tidak baik terhadap persepsi keadilan dalam Islam.

(END)